

1. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Hasnul pulang ke rumah dengan wajah yang muram.
- II Keadaan ekonomi negara yang muram harus dipulihkan segera.
- III Cuaca kelihatan mendung dan muram sejak beberapa hari yang lalu.
- IV Cikgu Zaidi muram kepada Firdaus kerana ponteng kelasnya pada hari ini.

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II, dan III
- D II, III, dan IV

2. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Rumah lama kepunyaan Tok Sulaiman itu hampir rebah menyembah bumi.
- II Dia telah disengat oleh rebah ketika mencari pucuk paku di pinggir hutan.
- III Adik belum rebah daripada demam panas sejak semalam.
- IV Lelaki itu terhuyung-hayang lalu rebah di tepi jalan.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

3. Ciri-ciri masyarakat yang bertamadun menurut pandangan sarjana ialah mereka mempunyai penempatan kekal dan mempunyai bahasa sendiri.

Pilih **kata yang sesuai** bagi menggantikan kata bertamadun.

- A beradab
- B berhijrah
- C bersetentang
- D bermastautin

4. Puan Rosnah mengingatkan anak gadisnya agar mempelajari ilmu rumah tangga sebelum dia disunting oleh seseorang untuk dijadikan isteri.

Pilih **kata yang sesuai** bagi menggantikan kata disunting.

- A dibawa
- B diambil
- C dilamar
- D ditawan

5. Zahari menganggu tanda bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Azli itu.

Pilih **kata yang sesuai** bagi menggantikan kata dikemukakan.

- A diusulkan
- B dipaparkan
- C dipamerkan
- D dihamparkan

6. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Beberapa orang pegawai PERHILITAN sedang mengesan jejak gajah liar di dalam hutan.
- II Cuma dia seorang yang mengikut jejak orang tuanya sebagai pemuzik.
- III Lelaki itu berusaha untuk menghilangkan jejak perbuatan silamnya.
- IV Polis sedang jejak penjenayah yang merompak kedai emas itu.

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II, dan III
- D II, III, dan IV

7. Doktor Shazlan memberikan penjelasan tentang penyakit keradangan tonsil kepada pesakit di kliniknya.

Pilih **kata yang sesuai** bagi menggantikan kata penjelasan.

- A pernyataan
- B penerangan
- C penyelesaian
- D pemberitahuan

8. Kajian itu dijalankan untuk mengenal pasti sama ada murid-murid mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan atau sebaliknya.

Pilih **kata yang sesuai** bagi menggantikan kata kecenderungan.

- A kesukaan
- B keinginan
- C kemahuan
- D kebebasan

9. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Sikap Aziz yang suka muka itu dibenci oleh rakan-rakannya.
- II Muka Suria kelihatan pucat selepas seminggu demam panas.
- III Air muka Syafinaz berubah setelah ditertawakan oleh rakan-rakannya.
- IV Lelaki itu akan dihadapkan ke muka pengadilan jika disabitkan kesalahan mengedar dadah.

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II, dan III
- D II, III, dan IV

10. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Hirisan daging itu diperap selama satu jam agar rempah-ratusnya meresap benar.
- II Pekerja yang meresap wang syarikatnya itu dihadapkan ke mahkamah.
- III Sudah setahun setengah Malik meresap daripada pandangan kami.
- IV Kata-kata pedas yang diucapkan oleh gadis itu meresap di hatinya.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV



11. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Pak Jais sedang mengasah mata parangnya yang tumpul.
- II Mencari besi buruk merupakan mata pencarian Pak Cik Ishak.
- III Badrul diterima menjadi mata dan akan memulakan tugasnya pada bulan hadapan.
- IV Sebanyak 140 mata dikutip oleh pasukan Hijau dalam keseluruhan acara sukan tahunan sekolah.

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

12. Apakah maksud yang tepat bagi **istilah yang bergaris** di bawah ini?

Perdana Menteri Malaysia mengucapkan tahniah kepada atlet lumba basikal itu kerana berjaya memenangi pingat emas dalam Kejohanan Basikal Trek Asia.

- A Orang yang giat dalam bidang politik
- B Orang yang giat dalam bidang sukan
- C Orang yang giat dalam bidang ekonomi
- D Orang yang giat dalam bidang pendidikan

13. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Ahmad menghempaskan badannya ke atas katil.
- II Firdaus menghempaskan pintu biliknya sekuat-kuat hati.
- III Dengan perasaan marah, Ani menghempaskan bukunya ke lantai.
- IV Burung itu menghempaskan cacing-cacing ke mulut anak-anaknya.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

14. Pegawai itu sedang memberikan khidmat perundingan dan kepakaran kepada para usahawan ternakan.

Pilih **kata yang sesuai** bagi menggantikan kata perundingan.

- A perbicaraan
- B persepakatan
- C permuafakatan
- D pemberitahuan

15. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betulnya.

- I Ayah singgah ke kedai kopi untuk kehilangan dahaga.
- II Irwan selalu murung sejak kehilangan ibunya yang tersayang.
- III Gara-gara kehilangan cincin ibu, suasana di rumah kami menjadi kecoh.
- IV Penjenayah itu telah berjaya kehilangan diri daripada dikesan pihak polis.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

16. Setiap agama menyarankan para pengikutnya supaya berbuat baik sesama manusia dan mengira perbezaan fahaman mereka.

Pilih kata yang sesuai bagi menggantikan kata menyarankan.

- A menitipkan
- B menetapkan
- C menyuburkan
- D menganjurkan

17. Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang bergaris dengan betulnya.

- I Guru agama itu mengingatkan kami agar sentiasa memelihara lidah ketika berbicara.
- II Bapa saudara saya ada memelihara beberapa batang pokok jambu di kebunnya.
- III Selepas ibu bapanya meninggal dunia, datuknyalah yang memelihara Aswad.
- IV Penternak yang berjaya itu memelihara 20 ekor lembu dan 60 ekor kambing.

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

18. Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang bergaris dengan betulnya.

- I Sayup-sayup terdengar salakan anjing yang mengejutkan.
- II Pereka fesyen itu menggunakan warna yang mengejutkan.
- III Bunyi letupan yang kuat itu telah mengejutkannya daripada tidur.
- IV Berita tentang Ariffin ditimpa kemalangan itu sungguh mengejutkan kami sekeluarga.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

19. Hisyam menaburkan dedak di atas tanah sambil bersiul-siul memanggil seekor burung yang sedang tertonggok di atas dahan.

Pilih kata yang sesuai bagi menggantikan kata tertonggok.

- A berpaut
- B bertahan
- C bertempik
- D bertenggek

20. Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang bergaris dengan betulnya.

- I Baju itu nampak cantik tetapi kasar jahitannya.
- II Liza meminta anaknya membeli garam kasar di kedai runcit.
- III Encik Adi membuat perkiraan kasar sebelum keluar berbelanja.
- IV Usahlah kamu kasar dengan adik-adik kamu yang masih kecil itu.

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II, dan III
- D II, III, dan IV